

## **KENYATAAN JUALAN LELONGAN HAIWAN KERAJAAN**

Dimaklumkan bahawa MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG akan mengadakan jualan lelongan haiwan seperti berikut :-

**Tarikh : 14 Mac 2019 (Khamis)**

**Masa : 10.00 pagi**

**Tempat : Pejabat Veterinar MBPP, Jalan Sungai**

2. Senarai Haiwan yang akan dilelong adalah seperti di KEW.AH-25. Haiwan boleh dilihat pada tarikh 11 Mac 2019 hingga 13 Mac 2019 di alamat Pejabat Veterinar, Jalan Sungai (Tel : 04-2810850) di antara jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang sahaja.
3. Syarat dan peraturan lelong adalah seperti berikut :-
  - i. Haiwan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan dan berat haiwan pada hari lelongan.
  - ii. Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan perlu mendaftar dengan Pegawai Pelelong mestilah berumur 18 tahun ke atas dan warganegara Malaysia dengan memberikan nama penuh, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat serta membayar deposit tunai sebanyak 10% daripada harga simpanan.
  - iii. Pendaftaran bermula jam 9.30 pagi hingga 10.00 pagi sahaja. Pendaftaran selepas jam 10.00 pagi tidak akan dipertimbangkan.
  - iv. Majlis berhak mengubah susunan jualan tersebut di senarai KEW.AH-25 dan menarik balik mana-mana Haiwan daripada senarai tersebut.
  - v. Semua Haiwan adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is-basis).
  - vi. Semua kos perbelanjaan bagi mengangkut Haiwan hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.
  - vii. Pembida yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, no. kad pengenalan dan alamat kepada pegawai pelelong semasa jualan dilakukan.
  - viii. Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawaran yang tertinggi, haiwan berkenaan akan dilelong semula.
  - ix. Majlis berhak menarik balik Haiwan daripada senarai tersebut jika terdapat apa-apa juga faktor yang menghalang semasa urusan.
  - x. Pembida yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh secara tunai sahaja pada hari lelongan di kaunter yang disediakan. Haiwan hendaklah diambil dalam tempoh satu (1) hari pada waktu pejabat (9.00 pagi -4.00 petang) dari tarikh lelongan. Jika tidak, Majlis berhak untuk melupuskannya.
  - xi. Majlis tidak bertanggungjawab ke atas Haiwan yang telah dijual.

**KEW.AH-25**

**SENARAI HAIWAN YANG DILELONG**  
**MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**

BIL	KETERANGAN JENIS HAIWAN	KUANTITI	HARGA SIMPANAN (RM)	LAMPIRAN
1	LEMBU (Bovidae)	1	RM 800.00	